

# KENAPA TAKUTKAN MISKIN?: KONSEP NILAI MISKIN DALAM NOVEL-NOVEL SHAHNON

Prof. Madya Haji Muhd Mansur Abdullah  
Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar  
UTM, Sekudai Johor

## PENGENALAN

**MANUSIA** tidak boleh hidup bersendirian. Mereka harus hidup dalam komunitinya dan berinteraksi sesama mereka dengan mempunyai satu kepercayaan, persefahaman, dan corak kehidupan yang seragam.

Segala tindakbalas hasil daripada tingkahlaku individu dalam komunitinya mengenai keperluannya akan dibatasi oleh kehendak dan ekspektasi komunitinya pula. Persamaan antara kehendak individu dengan kehendak komuniti itu merupakan persamaan dalam nilai yang mereka pegang bersama. Davidson (1977) menegaskan bahawa "... the values that society evolves reflect its needs and its way of life." Oleh itu katanya lagi, "Values can be adaptive, maladaptive, or neutral - that is, anadaptive - to the needs of a particular society."

Segala tindak balas seseorang yang terdiri dalam bentuk konvensional serta dipandang sebagai bermoral oleh komunitinya itulah yang dikatakan nilai. Nilai itu pula dianggap sebagai tindak balas yang terjadi serta mengandungi semacam satu penilaian yang telah sedia dilakukan. Dalam lain perkataan, nilai wujud dalam sesuatu budaya itu berkat hasil daripada tindak balas ke atas keperluan dan kehendak komunitinya.

Baik buruknya tingkahlaku manusia itu dapat diketahui oleh akal fikiran manusia. Nilai-nilai Islam pula mengatur dan mengarahkan fitrah manusia ke jinjang akhlak yang luhur dan meluruskan perbuatan manusia di bawah pancuran sinar petunjuk Allah Subhanahu Wataala, menuju keredhaanNya, sehingga terselamatlah manusia itu daripada fikiran-fikiran dan perbuatan yang keliru dan menyesatkan (Hamzah Ja'cub, 1978).

Nilai ini juga adalah merupakan satu pertimbangan yang waras dan adil. Seheggakan nilai itu dianggap sebagai sikap, pandangan, kepercayaan, pemikiran dan juga pegangan sesuatu komuniti. Ia akan bertindak sebagai mengawal atau mengawasi anggota-anggota masyarakatnya supaya tidak bertindak berlawanan, kerana ini boleh menimbulkan ketegangan atau porak puranda serta mewujudkan ketidak-tenteraman dalam masyarakat itu sendiri. Justeru itu anggota-anggota masyarakat harus tunduk dan akur terhadap "social control" ini.

## BEBERAPA PANDANGAN MENGIKUT KONSEP

Davidson (1977) ikut memperkatakan konsep nilai ini sebagai berkata, "Where the response takes place in an area conventionally regarded as moral by the particular society, emotive-mechanisms are generally referred to as values." Beliau menekankan kepada sesuatu yang dianggap bermoral adalah bernilai. Justeru itu katanya lagi, "Values implies that some evaluation has been made, and that people act from rational considerations. Wherever possible this society attempts to rationalize behavior, and to support it by appeals to reason rather than the more suspect emotions."

Begitu pula halnya dengan Dorothy Lee (1959) yang juga turut membahaskan tentang konsep nilai dengan berkata, "What I have called a value is a part of the cultural system; what I call value resides in the reality that is mediated by culture." Dorothy menyambung lagi, "I believe that value can be experienced only when relatedness with the surround is immediate and, in a sense, active; when the self is not only open to the experience of the other but also, to use Dewey's term, in transaction with the other..". Beliau yakin bahawa pengalaman nilai ini lebih merujuk kepada semua realiti. Terutama apabila sendiri itu sendiri bersilang dalam suatu situasi sosial.

Dr. Abd. Halim Ismail (1971), cuba melihat nilai budaya bangsa Melayu yang berorientasikan kepada nilai-nilai sosio-ekonomi. Beliau beranggapan bahawa "Proses penciptaan nilai-nilai sosio-ekonomi orang Melayu adalah sebahagian besarnya melalui proses "akulturasi", iaitu unsur-unsur nilai yang dibawa oleh berbagai peringkat sejarah dengan cara diperhati, diambil, ditiru, dan dipadankan oleh masyarakat Melayu".

Nilai orang Melayu sekarang telah melalui berbagai perubahan dalam proses penciptaannya. Banyaknya tokoh tambah dan pembuangan, maka nilai-nilai tradisi orang Melayu hampir lenyap dan kini nilai baru yang dipadankan dari nilai-nilai luar telah dipakai.

Prof. Syed Mohammad Naguib Al-Attas (1971) sendiri mengakui bahawa "Dalam menilai sesuatu kebudayaan yang harus dijadikan kriteria utama bukanlah hanya nilai-nilai kesenian, akan tetapi lebih dari itu adalah nilai-nilai pemikiran sesuatu bangsa dan pemikiran sesuatu bangsa tercermin dalam bahasa dan kesusasteraan bangsa itu..." Ini bermakna bahawa pemikiran seseorang pengarang itu akan dapat dilihat di dalam pemikiran watak-watak novelnya.

Justeru itu, jelas kepada kita bahawa dalam cereka itu, nilai yang terdapat pada watak-watak yang diutarakan oleh pengarangnya adalah mencerminkan nilai-nilai pengarang itu sendiri secara langsung mahu pun tidak. Pengarang secara tidak sedar atau di bawah sedar, cuba menerapkan nilai-nilai sebagaimana yang dikehendakinya pada watak-watak dalam cerekanya. Para watak hanya melakonan sahaja mengikut nilai-nilai yang dicipta atau ditetapkan oleh pengarangnya.

Dalam konteks kajian ini, nilai yang merupakan suatu pegangan, pandangan, keyakinan, pemikiran dan amalan yang dilakukan oleh anggota-anggota komuniti itu baik dalam situasi dia bertindak balas mahu pun semasa dia bertinkahlaku akan ditinjau dan dilihat secara mendalam dan lebih serius.

Lazimnya, sesuatu keputusan yang bakal diambil oleh watak individu dalam novel itu juga terpaksa ditimbang terima oleh pengarangnya terlebih dahulu secara positif dan rasional serta selaras dengan kehendak dan kepentingan komunitinya sendiri.

Dalam kajian ini, penulis memilih 'nilai kemiskinan' sebagai fokus utama perbincangan. Penulis memilih nilai ini adalah disebabkan nilai-nilai kemiskinan ini amat digemari oleh Sasterawan Negara kita, Dato' Prof Shahnnon Ahmad. Shahnnon melihat nilai kemiskinannya melalui konsep kesederhanaan, ketaqwaan, kesabaran, keikhlasan, kejujuran dan kekudusan seseorang. Hampir setiap karya kreatif yang dihasilkannya di peringkat awal mengandungi nilai kemiskinan ini. Konsep kemiskinan yang mencerminkan nilai kesederhanaan bangsa Melayu itulah yang mengghairahkan Shahnnon sehingga beliau menjadkan fokus perbincangan utama dalam kebanyakan novel-novelnya.

Drs Sidi Gazalba (1982) mengatakan bahawa nilai itu adalah bersifat terlalu unggul. Ia lebih merupakan ide atau pun konsep. Kerana itu ia lebih bersifat abstrak dan tidak dapat disentuh oleh sebarang pancaindera. Apa yang dapat ditangkap ialah perbuatan yang mengandungi nilai itu semata-mata. Nilai ini amat berbeza daripada fakta-fakta. Fakta lebih berbentuk kenyataan. Kerana itu ia adalah konkrit dan dapat ditangkap oleh pancaindera. Fakta itu juga boleh kita ketahui, sedangkan nilai hanya dapat dihayati.

Nilai berbeza daripada penampilan peribadi lainnya seperti bakat, maka kita dapati bahawa nilai lebih mementingkan tujuan jauh yang umum, di samping itu ia tersusun ke dalam secara piramid, yang bererti bahawa sebahagian daripada nilai itu menguasai yang lainnya atau tunduk kepadanya. Justeru itulah manusia berusaha untuk mencapai seluruh nilai-nilainya, akan tetapi jika ada perbezaan di antaranya, maka ia menundukkan yang satu kepada yang lain, sesuai dengan urutan yang khas baginya (Attia Mahmud Hana, 1978).

Sementara itu Prof. Syed Husin Ali (1971) pula berpendapat bahawa dalam masyarakat Melayu terdapat dua bentuk nilai-nilai tradisi dan nilai moden. Kedua-dua nilai ini adalah berorientasikan nilai sosio-politik sebenarnya. Beliau menegaskan lagi bahawa "...nilai-nilai tradisi ini, sebenarnya mencerminkan sebahagian daripada kebiasaan atau budaya orang Melayu tradisional. Kebiasaan begini pula mempunyai peranan sebagai 'social control' yang sebahagian besarnya menentukan cara perlakuan anggota masyarakatnya."

Jika benar apa yang dikatakan oleh Davidson (1977) bahawa nilai-nilai yang diwujudkan oleh masyarakat itu menggambarkan kehendak dan cara hidup mereka, maka nilai bolehlah diterima dan dianggarkan sebagai satu kriteria pembentuk anggota masyarakatnya. Dalam erti kata lain, nilai dapat dianggap sebagai 'social control.' Sehingga anggota masyarakat itu terpaksa berhati-hati dalam semua tindakannya, kerana takut melanggar nilai-nilai yang dibentuk oleh masyarakatnya selama ini.

Dr. Mohd. Rais Abd. Karim (1992) pula berpendapat bahawa, "... nilai secara relatifnya merupakan satu rangka keutamaan dalam membuat pilihan yang kekal yang membentuk dan mempengaruhi perilaku semulajadi individu. Nilai seseorang akan memperlihatkan kecenderungan dalam melakukan sesuatu, sementara norma memperlihatkan ketentuan-ketentuan dan tanggungjawab-

tanggungjawab sosial. Nilai dibentuk pada asasnya oleh tradisi keagamaan, sedangkan norma pula dibentuk pada asasnya oleh keperluan-keperluan dalam kegiatan hidup berkelompok."

Satu lagi nilai yang kerap diperkata dan dibincangkan secara meluas oleh sesetengah golongan seni ialah nilai estetika hasil sesuatu seni itu sendiri. Nilai begini lazimnya merupakan pandangan dan pemikiran yang lebih cenderung dan memandang berat kepada keindahan. Mengikut Prof. Syed Naguib, nilai estetik itu ialah sesuatu nilai yang mempunyai bawaan dan sifat rasa seni yang berdasarkan kepada pancaindera dan hasrat jiwa untuk menikmati keindahan tersebut.

Oleh yang demikian terdapat sesetengah anggota masyarakat itu sanggup bertolak ansur, beralah dan sebagainya demi semata-mata mahu menjaga nama baik dirinya mahupun kelompok masyarakatnya. Nama baik begini dianggap sebagai suatu nilai yang murni. Seorang anak gadis yang berkelakuan kasar atau bertingkahtlaku sebagaimana gelagat seorang anak lelaki akan dicap dan dituduh sebagai tidak mempunyai nilai-nilai estetika. Sebaliknya yang besopan santun, lemah lembut serta berbudi bahasa itu pula dikatakan memiliki nilai-nilai kewanitaan yang anggun.

## KONSEP KEMISKINAN SECARA UMUM

Kebanyakan orang melihat konsep miskin itu sebagai suatu pandangan yang negatif. Seheinggakan dalam Islam sendiri menganggap bahawa kemiskinan seseorang itu boleh menyeret dia menuju ke arah kekufuran. Apabila seseorang itu berkeadaan terlampau miskin, ini memungkinkan dia lebih cenderung menyalahkan taqdir dan nasib yang datang dari Allah. Secara tidak langsung dia akan mengutuk Tuhan yang telah menjerumus atau menentukan nasibnya jadi begitu. Apabila individu beranggapan demikian, besar kemungkinan seseorang itu akan kufur.

Selain daripada itu, rata-rata orang beranggapan bahawa kemiskinan itu adalah suatu kehinaan. Bangsa yang miskin dan melarat hidupnya akan dianggap sebagai bangsa yang hina. Seheinggakan dalam pepatah Melayu ada menyebut "hina besi kerana karatnya, hina manusia kerana melaratnya (miskin)." Dalam kehidupan sehari-hari, masyarakat sering memandang hina pada individu yang miskin mahu pun melarat. Masyarakat memandang hina terhadap kemiskinan adalah berdasarkan kepada sikap individu itu sendiri. Lazimnya kemiskinan akan dihubungkan pula dengan sifat pemalas dan penyegan seseorang itu. Bagi mereka hanya orang malas sahaja yang hidupnya miskin dan melarat. Justeru itu kemiskinan dengan sendirinya mencerminkan peribadi individu atau ahli sesebuah masyarakat itu sendiri.

Namun begitu, bagi orang-orang yang miskin dan melarat itu pula, kemiskinan yang mereka hadapi itu adalah nasib malang yang mereka pusakai turun-temurun daripada nenek moyangnya. Mereka terima ia sebagai suatu yang sudah ditakdirkan kepada keluarga dan keturunannya sejak zaman-berzaman lagi. Mereka semacam sudah ditetapkan dan ditentukan Allah dengan kehidupan yang susah, sempit dan melarat. Oleh kerana itu adalah mustahil bagi mereka untuk

menolak dan mempertikaikan nasib begitu. Dan tambah mustahil lagi bagi mereka hendak mengatasi kemiskinan itu dalam sekelip mata sahaja. Justeru itu, mahu tidak mahu mereka harus menerima kemiskinan itu dengan rela dan tabah sebagai kurnia Ilahi semata-mata.

Pendeknya konsep kemiskinan bagi masyarakat Melayu berkaitan rapat dengan soal kepercayaan dan keagamaan. Ini berlainan dengan pandangan umum khususnya orang Barat yang melihatnya berkaitan rapat antara konsep dan nilai material yang lebih bernilai ekonomi. Sesungguhnya apabila nilai ekonomi dijadikan kayu pengukur sesuatu kesejahteraan, maka sudah pasti kemiskinan dianggap suatu yang hina dan dipandang rendah. Sebaliknya, jika kemiskinan itu dilihat dari sudut ketaqwaan, maka kemiskinan itu adalah suatu nilai murni. Orang-orang miskin lazimnya hidup dalam kesederhanaan.

## **KONSEP KEMISKINAN PADA SHAHNON**

Lazimnya orang mengaitkan kemiskinan itu dengan kesengsaraan dan penderitaan. Orang yang miskin dikatakan sering melarat hidupnya. Oleh itu orang lebih membicarakan kemiskinan dari sudut material dan ekonomi semata-mata sehingga kemiskinan itu dikaitkan dengan sifat malas berusaha. Bagi Shahnon, kemiskinan bukan sesuatu yang harus dimalukan. Orang yang selalu memiliki baik sangka itu akan melihat sesuatu perkara yang negatif sebagai suatu yang positif. Begitulah dengan diri Shahnon. Beliau melihat kemiskinan itu sebagai satu nilai yang murni. Justeru itu dia langsung tidak membicarakan kemiskinan dalam kondisi yang negatif sama sekali.

Memang jarang dan sukar mahu dicari pengarang lain yang begitu ghairah membicarakan kehidupan orang kampung. Tetapi kebanyakan novel Shahnon tidak terlepas daripada mengisahkan kehidupan para petani desa. Boleh dikatakan secara total, novelnya ada sahaja menyentuh persoalan-persoalan yang berlegar dengan kehidupan manusia gembel yang rata-ratanya kaya dengan kemiskinan.

Kedewasaan yang dilalui oleh Shahnon Ahmad adalah hasil daripada asuhan suasana kesederhanaan di sekelilingnya. Ini diakui sendiri oleh Shahnon Ahmad dengan mengatakan bahawa dia senang dengan kisah petani, kisah alam, kisah penderitaan demi penderitaan. Sebagai anak kampung, beliau dibesarkan dalam suasana kesederhanaan. Beliau bercerita tentang kemiskinan petani. Beliau menambah pengakuannya lagi, "Watak-watak petani itu ada dalam diri saya. Saya kenal mereka."

Mohd Yusof Hasan (1990) juga mengakui bahawa, "Sebagai seorang Melayu, Shahnon mementingkan kesejahteraan bangsanya; sebagai seorang manusia, Shahnon memperjuangkan persoalan-persoalan kemanusiaannya; dan sebagai seorang Islam, Shahnon memperhebatkan persoalan-persoalan demi pengembangan syiar Islam." Shahnon bukan sahaja sebagai seorang pengarang yang dedikasi, tetapi juga sebagai seorang penganalisis kehidupan masyarakatnya yang begitu kritis dan amat tajam pemerhatiannya. Beliau membicarakan tentang kemiskinan dan segala kesengsaraan yang dihadapi oleh masyarakat tani melalui sempatnya yang agak mendalam.

Shahnon memaparkan konsep kemiskinan watak-watak dalam novelnya begitu meyakinkan. Dia menjalin dan mengadunkannya dengan terang dan jelas sehingga tidak memual dan menjemukan pembaca. Shahnon tidak pula memperlihatkan kenegatifannya terhadap kemiskinan dan kesengsaraan yang dialami oleh watak-wataknya itu. Malah apa yang nyata Shahnon sendiri sering disynonymkan dengan kesederhanaan. Justeru itu penulis sendiri tidak teragak-agak mengakui bahawa Shahnon adalah kesederhanaan dan kesederhanaan itu adalah kemiskinan.

Begitu cermat Shahnon mengupas konsep kemiskinan berdasarkan nilai kesederhanaannya. Bagi Shahnon, kesederhanaan itu lazimnya bebas daripada perkara-perkara yang berlebih-lebihan serta keterlaluan. Hidup yang berlebih-lebih bagi seseorang individu mahu pun masyarakat itu adalah hidup yang penuh kepura-puraan. Oleh itu mengikut ahli psikologi, kesederhanaan juga boleh memberi kepuasan pada panca indera dan mental manusia sehingga wujudnya keharmonian dalam diri individu atau pun kelompok itu sendiri.

Shahnon menolak konsep kemiskinan yang tidak boleh dikaitkan dengan sikap malas dan segan. Shahnon melihat bahawa orang Melayu walaupun miskin, mereka bukannya malas. Mereka miskin akibat daripada kekurangan sumber asli dan kemahiran-kemahiran menggunakan sumber tersebut. Akibat tanah yang sempit, anak yang banyak, maka hasil dan produksinya tidak ekonomik. Sedangkan dalam berusaha, individu tersebut adalah begitu giat dan rajin sekali.

Dalam kondisi dan situasi yang lain terdapat watak yang ada mempunyai tanah tetapi gersang atau kontang. Oleh kerana kejahilannya tentang penggunaan teknologi serta kurang kemahiran tertentu, maka tanahnya terbiar dan diusahakan dalam bentuk yang tidak ekonomik sekali. Dan inilah yang menyebabkan mereka itu miskin. Dalam perkara begini, Shahnon melihat hanya kerajaan sahajalah sebagai penyelamat golongan ini. Justeru itu subsidi dan bantuan daripada kerajaan amat perlu bagi menggiatkan mereka mengusahakan tanahnya sehingga benar-benar ekonomik.

Konsep kemiskinan difokus oleh Shahnon dengan nilai-nilai kesederhanaan, supaya masyarakat bawahan merasa tenteram, bebas dan selesa hasil daripada kesederhanaan yang mereka pilih itu. Jiwa Shahnon tidak dapat dipisahkan daripada kesederhanaan sebenarnya. Contohnya, walau pun beliau sudah memiliki status Profesor dan bergelar Dato pula, namun sebagai manusia yang amat sederhana, beliau lebih rela dipanggil "cikgu" oleh mereka yang rapat dengannya. Nilai kesederhanaan inilah yang telah mempengaruhi watak-watak di dalam novel-novelnya.

Di bawah ini penulis cuba mengklarifikasikan satu persatu falsafah Shahnon yang terselindung di sebalik konsep kemiskinannya itu. Misalunya:

(a) **Kemiskinan adalah qado dan qadar**

Kaya dan miskin bagi Shahnon hanyalah satu pebezaan taraf yang lahir daripada pandangan sesetengah manusia yang cetek pemikiran dan perasaannya sahaja. Bagi Shahnon tidak ada sesiapa pun yang inginkan

miskin, susah serta melarat. Tetapi jika ia sudah ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wataala, dapatkah sesiapa menolaknya? Shahnnon beranggapan, sebagai umat Nabi Muhammad S.A.W. kita mesti rela menerima kemiskinan itu. Sabda Rasulullah yang bermaksud, "Apabila Allah mencintai hambaNya, maka Dia akan mengirinkan kesengsaraan. Jika hambaNya itu sabar menerima kesengsaraan itu, maka dia akan diberkatiNya, sedangkan jika dia gembira menghadapinya, maka dia akan terpilih secara khusus sebagai hamba pilihanNya." Ini bermakna Allah sayang kepada hambaNya yang redha dengan kemelaratan, kemiskinan dan kesengsaraan yang ditimpakan ke atasnya.

Pandangan Shahnnon ini dapat kita lihat dalam **Ranjau Sepanjang Jalan** misalnya, Lahuma dan isterinya Jeha menganggap bahawa kemiskinan yang diterima oleh mereka itu adalah sebagai qado dan qadar. seperti katanya, "Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah Azzawajalla." Ungkapan seperti ini kita dapati pada berbaga-bagai halaman lain dalam novel ini.

M i s a l n y a h a l a m a n - h a l a m a n  
1,2,3,5,9,10,11,12,15,16,21,29,30,40,41,42,64,65,90,91, 106,116 dan  
183. Begitulah petani Melayu dihadapkan kepada berbagai penderitaan. Dan dalam penderitaan ini, hanya satu saja pegangan yang ada pada mereka, iaitu berserah diri kepada Allah yang menjadikan alam. Atau dengan kata lain menyerah kepada nasib yang ditentukan oleh Allah. (Umar Junus, 1971)

Keredhaan terhadap pemberian Allah dan bersyukur atas qado dan qadar Tuhan merupakan satu pegangan kukuh. Pegangan beginilah juga yang menjadikan insan miskin harta benda itu merasa kaya dengan ketabahan dan keikhlasan. Shahnnon membayangkan keredhaan Semaun dengan berkata, "Tetapi tanah kampungnya itu hak pusaka turun-temurun. Bendangnya yang lima petak itu bukan setakat harta tok nenek, tetapi juga dianggap sebagai nyawa seluruh keluarganya. Rumah tua tersorok celah-celah pokok kelapa renjong itu hak miliknya. Semaun tidak sanggup menyerah milik itu begitu sahaja. Dia sanggup bergelut terlebih dulu. Dia sanggup menghadapi apa saja halangan. Asalkan ibunya boleh bermegah tanah bendang yang lima petak itu..." (Rentung, ms. 34)

#### (b) Kemiskinan sebagai rahmat

Apabila manusia merasakan kemiskinan itu sebagai suatu perkara biasa yang harus ditanggung oleh golongan manusia, maka setidaknya mereka merasa tidak takut dan risau lagi. Sebaliknya mereka menghadapi kemiskinan itu dengan lebih tenang dan tabah. Shahnnon berfalsafah bahawa kemiskinan itu adalah suatu rahmat yang tidak semua orang boleh memperolehi atau mendapatkannya. Misalnya, Pak Mat yang digambarkan oleh Shahnnon sebagai nelayan miskin, tetapi merasakan hidupnya itu sebagai suatu rahmat pula. "Pat Mat sendiri

memang yakin sekali. Lagi pun ikan Kuala Indah Permai ini dah masyhur rata-rata. Bukan setakat Bukit Mertajam, malah sampai Pasar Chowrasta pun orang selalu sebut. Kata tauke itu ikan-ikan Kuala Indah Permai ini di bawa sampai Kuala Lumpur. Pat Mat cukup yakin dengan rezeki setakat ini. Dan dia tidak nampak ada halangan yang besar boleh berlaku kecuali sekali-sekala ribut mengamuk dan gelombang besar. Tetapi itu bukan halangan. Itu perkara biasa." (Kemelut, ms. 31)

Seseorang itu tidak harus bersungut terhadap kemiskinan yang dialaminya. Jika dia menganggapnya sebagai rahmat dari pemberian Allah, maka dia perlu bersyukur dan menyerahkan kembali kepada Allah Subhanahu Wataala. Ini salah satu daripada nilai suci yang bakal wujud dalam diri orang-orang mukmin, apabila dia merelakan segala nasib dan taqdir yang didatangkan oleh Allah kepadanya. Shahnnon melihatnya sebagai rahmat yang hanya orang-orang tententu (miskin) sahaja yang dapat merasakannya serta sanggup menerimanya daripada Allah. Ini dapat dilihat daripada pengakuan Lahuma sendiri, "Lahuma cukup percaya. Tuhan tidak akan menebus nyawanya semata-mata kerana duri nibung yang seinci panjangnya itu. Tuhan sedar tentang jumlah anaknya itu. Tujuh orang semuanya. Mereka perlukan makan. Dan padilah makanan Lahuma turun-temurun. Dengan ingatan seumpama itu Lahuma dapat menahan sakitnya..." (Ranjau sepanjang Jalan, ms. 75)

Kadang-kadang orang miskin lebih bersyukur kerana tidak kaya. Mereka menganggap kekayaan menjadikan seseorang itu sombong, kedekut, dan mementingkan diri sendiri. Ini diperlihtkan dengan jelas oleh Shahnnon dalam novelnya **Sampah**. "Segala harta pusaka di luar diri perlu disingkir kalau hendak menemui keabadian lebih cepat, fikirnya. Dan ini bukan hanya terbatas pada air yang membasah tekak atau sesuap nasi yang mengisi uncang perut, tapi segala apa saja. Sekarang segala apa saja itu sudah berselerak. Tersingkir bukan saja dari dirinya tapi juga dari daerah hak milik yang diciptakannya. Hanya dengan jalah itu kesucian yang paling tinggi darjatnya tercapai." (Sampah, ms. 12 & 13)

### (c) Kemiskinan sebagai ujian

Kemiskinan juga dilihat oleh Shahnnon sebagai satu ujian dalam hidup ini. Di mana Allah cuba menguji setinggi dan sekuat manakah keimanan seseorang itu terhadapNya. Tahap kesabaran individu menerima kemiskinan itu, salah satu cubaan dan ujian hidup. Kesabaran adalah suatu sifat yang terpuji di sisi Allah. Justeru itu setiap orang yang sabar mesti menerima berbagai halangan dan rintangannya, termasuklah hidup dalam keadaan papa atau miskin. Hanya mereka yang dapat menghayati dan menerima kemiskinan sahaja yang mampu dan dapat menerima ujian-ujian itu dengan hati yang terbuka dan pasrah. Setiap orang yang sabar itu memiliki sifat ketabahan yang kuat dalam dirinya.



Sebagai satu ujian, kemiskinan harus ditentang habis-habisan. Awang Cik Teh sebagai *agent of change* mesti tabah memulakan langkah beraninya. Dia tidak harus gentar dengan hasutan dan umpat keji orang terhadap usaha gigihnya. "...Tapi ingatan-ingatan itu bukan boleh jadi halangan untuk menutuh Srengenge. Kalau Siddik membantah, tinggalkan saja dia. Kalau Diah membantah, tinggalkan saja Diah. Kalau Kasseng membantah, tinggalkan saja Kasseng. Kalau semua anak buah Kaki Srengenge membantah, dia sendiri akan menutuhnya. Dan dia cukup percaya, segarang Keghesum pun, dia akan bersama menebang pokok-pokok merbau yang menjulang langit itu." (Srengenge, ms. 5)

Pak Mat dalam *Kemelut* digambarkan sebagai insan yang tidak mudah gelabah, latah, cepat naik angin. "Pak Mat tidak ambil kisah. Buatlah apa yang hendak dibuat. Bangunlah apa yang hendak dibangun, tapi jangan mengusik air dalam sungai dan laut. Jangan memutuskan benih ikan-ikan yang menjadi rezeki sepanjang zaman itu. Dia tidak peduli, harapannya kejap macam besi waja." (*Kemelut*, ms. 96)

Apabila seseorang itu menerima hakikat bahawa kemiskinan adalah satu ujian hidup, dia akan menjadi semakin tidak peduli kepada apa juga orang lain kata. Dia lebih nekad dan tabah menghadapinya. "Su Usul dapat merasai kenikmatan yang puncak-puncak itu. Ingatan-ingatan seumpama itu cukup diperlukan waktu tua begini kerana ianya memberi kekuatan dan ketabahan untuk terus bergerak dan bernafas. Kekuatan itu pula menimbulkan perasaan tidak takut kepada sebarang makhluk dalam dunia ini kecuali kepada Allah satu sahaja. Kekuatan dan ketabahan itu juga menyebabkan kerelaan dirinya untuk melihat dan mentafsirkan dirinya sendiri. Apalah yang hendak disusahatikan.." (*Tunggul-Tunggul Gerigis*, ms. 123)

Dalam *Al-Syiqaq 1*, Shahnnon cuba menggambarkan betapa Pataeng yang sudah tidak sanggup menerima ujian hidup melaratnya itu hanya dengari berpeluk tubuh sahaja. Dia mahu satu-satu tindakan sebagai tindak balas daripada ujian tersebut. Justeru itu Pataeng Sagalas begitu serius sekali mengajak penduduk Matarusa terutama Lebai Cucu, untuk berpindah dalam menyahut cabaran hidup baru di tempat lain. Antara lain Shahnnon menerangkan, "Kita tinggalkan saja Matarusa, termasuk madrasah ini. Kita bukan tidak sayangkan Matarusa. Siapa yang tak sayangkan tempat lahir, lebih-lebih lagi madrasah ini. Meninggalkan Matarusa bukan bererti kita tidak akan kembali lagi. Kita akan kembali juga. Dengan izin Allah kita akan kembali juga." (*Al-Syiqaq 1*, ms. 159)

#### (d) Kemiskinan itu keindahan

Bagi sesetengah orang, untuk merelakan dirinya atau menimbulkan kesabaran dan ketaqwaan dalam dirinya, mereka memandang kemiskinan yang ada padanya itu sebagai suatu keindahan. Keindahan yang akan

menguliti kehidupannya bagi menjamin kebahagiaan di akhirat melalui kekudusan hatinya yang suci dan murni terhadap kurniaan Allah itu.

Inilah yang cuba diperkatakan oleh Shahnnon dalam konsep kemiskinannya itu. Orang kaya sering terperangkap dengan perasaan hasad dengki, mementingkan diri sendiri, sombong dan bongkak serta bakhil. Orang yang demikian, keindahan dalam hidupnya sudah luntur dan pudar. Orang miskin selalunya indah dengan budi bahasa. Indah dengan keazaman dan keyakinan. Malah indah dalam taqwanya terhadap Tuhan. Justeru keindahan inilah mereka melihat keadaan alam persekitaran yang miskin itu sebagai suatu yang indah juga.

Shahnnon melukiskan tentang Kuala Indah Permai sebagai, "Pokok-pokok kayu dan buluh di kiri kanan tebing berdaun segar. Dan ada pula beberapa pokok besar pernah dengan akar-akar yang labuh berjuntai menajah permukaan air.....Matahari di atas kepala memancarkan sinarnya menerusi celah-celah daun kayu yang rimbun. Sinar itu menampar muka sungai dan bila angin memuput daun-daun di atas, bayangannya di permukaan air turut berkocak...." (**Kemelut**, ms. 4)

Manakala dalam novel **Tok Guru** pula keindahan keluarga bahagia walaupun miskin digambarkan dengan jelas oleh Shahnnon, "Baik kemesraan dengan Allah Yang Maha Esa mahupun kemesraan dengan semua ahli keluarga. Sebutan ungkapan dalam azan bukan saja mudah disebut tetapi ia mengalir keluar dari kalbu bagaikan arus sungai tanpa selekoh di mana-manapun. Aku nampak setiap sudut rumah kami, setiap biji lampu yang terpasang tersenyum saja bagaikan turut merestui kedatangan siang yang pasti cerah dan nyaman itu." (**Tok Guru**, ms. 81)

Keharmonian rumahtangga dan juga kebeningan alam persekitaran boleh mengurangkan ketegangan terhadap kemiskinan hidup itu sendiri. Ini digambarkan dengan jelas oleh Shahnnon dalam **Ranjau Sepanjang Jalan** dengan berkata, "Jeha asyik benar meraba-raba kepalanya yang lebat dengan rambut hitam macam keling itu. Sekali sekala tangannya diluruhkan ke riba untuk menindas kutu-kutu yang gemuk. Darah binatang itu mercik ke atas ibu jarinya bila perutnya pecah kena tindas. Lahuma tidak menghiraukan tugas bininya. Dia memandang jauh ke kaki bukit melihat kehijauan rimba. Pucuk-pucuk kayu merbau dan meranti yang jauh itu diamat-amatinya bagaikan ada sesuatu di atas pucuk kayu yang hendak menajah langit itu..." (**Ranjau Sepanjang Jalan**, ms. 2)

Shahnnon juga tidak ketinggalan memperlihatkan keindahan panorama Poseng. Sebagaimana katanya, "Medang di seberang jalan rasanya nampak dengan amat jelas sekali, daun-daunnya yang jarang-jarang itu masih lebar, masih nakal mengepak-ngepak bagaikan bersorak kegembiraan. Perdunya sudah banyak yang mengelupas kulitnya. Banyak bonggol-bonggol di sana sini. Cabangnya juga bersongsang dan mengelirukan urutan pandangan. Lihat saja ranting dan pucuknya yang kering dan tersentak-sentak itu. Pucuk akan patah terkulai bersama

rantung. Sujudlah mereka di bumi Poseng yang merekah." (**Tunggul-tunggul Gerigis**, ms. 11)

Selain daripada gambaran keindahan panorama sesuatu tempat atau keadaan, Sahnnon juga mengungkapkan mesej yang tersembunyi di sebalik perlukisannya menerusi metafora dan perlambangannya. Misalnya gambaran di atas tadi memperlihatkan betapa Poseng itu sendiri dalam keadaan yang serba kekurangan adalah menggambarkan kehidupan di situ juga dalam kemiskinan dan kekurangan. Namun demikian, masyarakat dan penduduk di situ masih boleh menerima kemiskinan itu sebagai suatu keindahan dalam hidup mereka.

(e) **Kemiskinan itu kenikmatan**

Apabila manusia merasakan kemiskinan itu adalah suatu rahmat yang tidak semua orang memperolehi atau mendapatnya, maka mereka lazimnya akan lebih bersabar, tabah dan semakin berani menghadapi realiti. Mereka tidak akan bersungut atas kemiskinan yang dihadapinya. Orang-orang yang sebegini lazimnya lebih tawakkal dengan nikmat Allah sekalipun kemiskinan itulah rahmat baginya. Sebagaimana firman Tuhan yang bermaksud, "Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu, maka dari Allahlah datangnya." (Al-Nahl: 53). Nikmat yang dimaksudkan itu termasuklah sesuatu yang menyenangkan dan yang menyiksakan. Dan kemiskinan itu sendiri adalah suatu rahmat dan pemberian Allah jua. Justeru itu mereka harus bersyukur menerimanya sebagai satu nikmat.

Shahnnon melihat bahawa ada orang kaya yang tidak nikmat hidupnya. Sedangkan orang miskin yang hidupnya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, hidup mereka penuh kenikmatan dan kebahagiaan pula. Di sini, konsep dan pengertian kemiskinan itu ukurannya adalah pada diri individu itu sendiri. Jika dia rela dan pasrah dengan kemiskinannya, dia tidak akan menyesal atau merasa dukacita. Sebaliknya dia akan tawakkal dengan nikmat kemiskinan begitu. Firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud, "Apabila engkau mempunyai ketetapan hati, maka yakinlah dirimu kepada Allah, Allah suka kepada orang yang mempercayai dirinya sendiri," (Ali Imran, ayat 157).

Keadaan begitu dapat kita lihat dalam novelnya **Sampah**. "Selintas kilat dia sedar. Tubuhnya yang berkulit kering, tangannya yang berjari lengkap, jantungnya yang masih berdegup terdera antara dua cebisan kenikmatan. Tapi itu cuma kepercayaan palsu. Dia amat bencikan kepalsuan. Yang diyakini ialah kebajikannya. Dialah kenikmatan; kenikmatan yang dihipit oleh deraan hidup..." (**Sampah**, ms. 2)

Selain daripada merasa nikmat hidup miskin, kenikmatan yang wujud hasil daripada konsep kemiskinan ini juga akan membuatkan seseorang itu bersifat lebih penyabar. Lazimnya mereka juga tidak mudah berputus asa atau pun kesal atas keadaan dirinya yang miskin begitu. Lantas individu yang mempunyai ciri-ciri nilai begini lebih terbuka dan

mempunyai pandangan yang luas serta mempunyai perhitungan yang lebih jauh. Contohnya mereka tidak pernah mempertikaikan kekayaan dunia atau kekayaan material itu langsung. Lihat contoh dalam novel **Sampah** ini:

"Kalau sudah dipanggil pengemis, biar usah tidak ada apa-apa. Dalam daerahnya yang sempit bulat itu segala-galanya tandus. Pakum. Semuanya Pakum. Kosong. Setitik sel pun tidak ada. setumpah udara pun tidak ada. Dia tidak ada apa-apa. Pakum. Dan terasa amat bahawa kepakuman itulah dia. Kekosongan itulah dia. Kemiskinan itulah dia. Kepapaan itulah dia. Ya! Inilah aku. Tidak ada. Kosong. Miskin. Papa. Nol. Pakum. Itulah aku."

(**Sampah**, ms. 17)

Orang miskin yakin, jika mereka berusaha lebih dan gigih, jika mereka diberikan bantuan dan ditolong sedikit, maka kesusahan hidup mereka sedikit sebanyaknya dapat di atasi. Ini dapat kita lihat dengan jelas pada sikap dan pegangan Jeha isteri Lahuma di peringkat awal, sebagaimana kata Shahnnon, "...Dan mimpi itu seringnya dikaitkan dengan Lahuma. Semangat Lahuma dan tekad Lahuma turun-temurun. Mimpi-mimpi lunak itu akan terpengaruh juga. Dan rezeki-rezeki yang bakal diterima itu sering pula dihubungkan dengan Allah Azzawajalla. Dan antara keluarga Jeha, semangat dan tekad Lahuma, Allah Azzawajalla, Jeha rasa tidak ada apa-apa yang boleh dipisahkan. Dan biarlah pertalian itu terus-menerus hingga ke anak cucu cicit." (**Ranjau Sepanjang Jalan**, ms. 125)

(f) **Kemiskinan adalah kesederhanaan**

Shahnnon juga beranggapan bahawa sebagai umat Nabi Muhammad S.A.W. kita mesti rela menerima kemiskinan itu. Oleh yang demikian, konsep miskin bagi Shahnnon adalah kesederhanaan. Hanya orang yang hidupnya sederhana sahaja yang tidak akan mengalami masalah tekanan dan sebagainya. Shahnnon cuba membayangkan kesederhanaan yang dialami oleh Sasaelos dalam hidupnya di peringkat awal. Dia menganggap kemiskinan hidup sebagaimana yang dialami oleh keluarganya itu adalah biasa dan sederhana. Justeru itu tidak banyak keinginan dan kemahuan yang dihasratkan oleh Sasaelos seperti yang tergambar dalam **Al-Syiqiq 1**,

"Sasaelor sendiri pun bukan anak jati Matarusa. Dia juga orang perantauan. Ibu dan ayahnya datang dari jauh dari utara dan menetap di situ sebagai orang bangsat mencari tanah dan tapak baru untuk bernafas. Tapi dia kerap juga keluar ke Kedah dan Kelantan mengheret kerbau sabung untuk Raja. Paling kurang setahun sekali. Kadang-kadang empat lima orang sekaligus membawa kerbau jantan terus ke gelanggang Raja di Kuala Kedah. Bukan tidak tergamak hati Sasaelos untuk pindah membuka tanah baru di negara Merungmahawangsa itu. Tanahnya sama subur seperti tanah Matarusa." (**Al-Syiqiq 1**, ms 6 dan 7)

Bagi orang yang sudah biasa dan lumrah dengan hidup miskin, kemiskinan bukanlah satu penderitaan lagi. Malah mereka sanggup menganggap kemiskinan itu satu kesederhanaan yang harus diterima dan dihadapi. Apabila mereka bersedia menghadapinya, maka sifat sabar dan tabah akan menjadi semakin kental dalam dirinya. Inilah falsafah yang diutarakan oleh Shahnnon dalam konsep kemiskinan dan kesederhanaannya itu.

Dalam **Tunggul-tunggul Gerigis**, Shahnnon cuba membayangkan sikap Su Usul yang rela menerima kemiskinan itu sebagai realiti hidupnya. Antara lain kata Shahnnon, "Dan Goh akan pergi tak berapa lama lagi. Yang tinggal hanya medang, Bedul, gemulah Bunga dan Allah. Dan satu hari Bedul pun akan sibuk juga: malah mungkin akan bangsat jauh-jauh dari Poseng seperti Aminah dan Mahathir. Yang tinggal hanya medang dan Allah. Medang pun tak berapa lama. Silap langkah, angin deras sudah cukup menumbangkannya. Atau dimakan anai-anai. Yang betul-betul tinggal cuma Allah, tetapi Allah tidak akan ke mana-mana..." (**Tunggul-tunggul Gerigis**, ms. 36 & 37)

Orang-orang Kaki Srengenge sudah berzaman mempunyai kepercayaan penuh dan kudus kepada Srengenge. Hidup mereka amat sederhana dengan kemiskinannya. Mereka tak perlu dengar cadangan Awang Cik Teh - orang luar yang merepek. Srengenge sumber rezeki mereka hendak dipugar dan diruntuhkan. Mereka lalu menganggap Awang Cik Teh adalah duri dalam daging di kampung itu. Sebab, segala-galanya mereka boleh dapat dari bukit tersebut. "Bukan saja tekukur, tapi juga napuh, puling, punai, serindit, pelanduk, kayu api, rotan, bertam, akar, buah-buah, pucuk kayu, daun ketupat, buluh leman, gondang di paya, merbuk, entahlah, semuanya dari Srengenge. Orang Kaki Srengenge cuma ambil saja." (**Srengenge**, ms. 134)

#### (g) **Kemiskinan satu kesedaran**

Dalam keadaan yang penuh sedar, seseorang yang hidup dalam kemiskinan itu akan merasakan dirinya serba kekurangan. Dan kemiskinan serta kemelaratan itu membuatkan dia sedar atas kekurangan dirinya. Sikap begini akan membuatkan seseorang itu mahu berusaha untuk melepaskan dirinya dari cengkaman kemiskinan.

Hidup Pataeng Sagalas sebagai penyabung ayam belum cukup menyedarkan dirinya sebagai seorang miskin. Tetapi apabila adik, ibu dan bapanya mati dikelar-kelar oleh perompak Siam menjadikannya sebagai orang yang terpaksa menerima hakikat itu dengan sabar dan tabah. Shahnnon melukiskannya, "Antara kehampaan serta kekosongan dan kesedaran itu Pataeng hanya ingin hidup serba sederhana. Dan bila Si Didik Balung Batu diserahkan kembali oleh Bedul kepadanya, ayam itu dilepaskan begitu saja. Didik melompat turun ke halaman, mencakar tanah dan berkokok beberapa kali. Kedua belah sayapnya dikepak-kepak

meneguhkan tulang sayapnya. Pataeng ingin memberi kebebasan seluas-luasnya kepada Si Didik." (*Al-Syiqiq* 1, ms. 81)

Semangat untuk menerima realiti hidup dan keinginan untuk bertindak hasil daripada kesedaran terhadap kemiskinan ini dapat dilihat dengan jelas dalam **Ranjau Sepanjang Jalan**. Misalnya Shahnnon mengungkapkan, "Hidup kaum tani, fikir Jeha, akan hidup di tengah-tengah lumpur. Akan berkubang macam kerbau. Akan berjemur panas macam tanah tandus. Akan basah macam terendam di tengah-tengah banjir besar. Mereka akan memungut ketam dan membunuh binatang bedebah itu. Mereka harus belajar membunuh. Membunuh setiap benda yang akan menghalang pada mereka. Membunuh burung ciak yang akan datang berjuta-juta dan berlaksa-laksa. Jeha terasa lapang dadanya bila teringat Lahuma yang akan disambungkan perjuangannya hingga ke anak cucu cicit. Lahuma yang banyak memberi tenaga kepada seluruh keluarga." (**Ranjau Sepanjang Jalan**, ms. 120)

Sebagai usaha untuk mengatasi kemiskinan ialah berjuang. Untuk itu perjuangan memerlukan satu macam nekad yang padu serta semangat yang kuat dan gigih. Nekad Awang Cik Teh untuk menumbangkan Srengenge jelas membayangkan kegigihan dan azam kuatnya. Sehingga berpuluh-puluh kali azam itu diucapkannya. Malah segala sindiran isterinya Keghesum diterimanya sebagai cabaran. Misalnya Shahnnon menggambarkan, "...Keghesum hanya merungut kepada Awang Cik Teh. Dan Awang Cik Teh hanya sasaran bagi rungutan Keghesum. Dan itu adalah cabaran, sama seperti cabaran Srengenge yang tersergam macam setan bertahun-tahun ini." (*Srengenge*, ms. 13)

#### (h) Kemiskinan menjadi dorongan dan motivasi

Bukan semua orang rela hidup dalam serba kekurangan. Tetapi ramai pula menjadikan kemiskinan dan kemelaratan hidup itu sebagai satu cabaran. Kemiskinan dijadikan sebagai dorongan dan motivasi untuknya terus berjuang. Dia rela berusaha, bekerja keras dan bertungkus lumus bagi mengatasi kemiskinan hidupnya. Sekurang-kurangnya dia mahu melepaskan dirinya daripada cengkaman kemiskinan itu sendiri. Keinginan dan kemahuan dalaman begini membawa satu nilai murni. Nilai perjuangan dalam hidup. Iaitu nilai yang tidak mahu menyerah kalah atau hanya menyerah kepada taqdir semata-mata. Shahnnon dalam novel-novelnya banyak sekali memperlihatkan sikap begini. Melalui Awang Cik Teh dan isterinya Keghesum dalam *Srengenge* jelas digambarkannya sikap mahu merobah nasib dan kemiskinan itu sendiri. Bukit Srengenge itu sendiri adalah lambang kemiskinan dan penghalang kemajuan di situ.

"Srengenge wajib ditubuh satu hari. Merbaunya, merantinya, pinang baiknya wajib ditutuh. Rotansega badaknya, rotan manau telurnya, akar cirit murainya wajib disentak satu hari; baik songsang ataupun tidak songsang. Dan banir-banir yang sepemeluk dua tiga

pemeluk itu wajib ditumbang dan di bakar sampai benar-benar menyembah bumi. Biar kayu kayan diganti dengan kulat, jambak, pisang jari buaya, pisang awak raja, labu kerambil, timun dendang lonjong, peria, ubi keling dan terung." (**Srengenge**, ms. 1)

Kemiskinan dan kesusahan hidup jika diterima secara positif, ia boleh menjadi satu rangsangan dan pendorong untuk kita lebih berusaha. Shahnnon nampak jelas tentang konsep dorongan dan motivasi begini. Apa lagi kalau kemiskinan itu hasil penindasan daripada orang lain. Dalam **Kemelut**, Shahnnon cuba melukiskan tindakan yang bakal diambil oleh penduduk Kuala Indah Permai yang bergantung kepada rezeki tangkapan di laut. Sedangkan ikan-ikan musnah oleh pencemaran sisa-sisa buangan dari kilang yang berhampiran. Sehingga mereka merasakan dunia sekarang sudah songsang. Orang kaya tambah kaya, orang miskin tambah papa kedana. "Kita bakar saja kilang-kilang itu sebelum kilang-kilang itu membunuh anak pinak kita." kata Mihah Taha. (**Kemelut**, ms. 135). Seterusnya mereka marah, "Kalau dah tak ada jalan lain, apa nak dibuat. Islam pun suruh kita melawan musuh, kalau musuh nak bunuh kita. "Sidik pula berkata. "Saya pun hilang punca," ujar Tobeng. "Kepada siapa nak kita minta tolong lagi sekarang. Dah tak ada. kalau dah begitu sepakat, saya ikut saja. Saya dah hilang punca. Lagi tunggu, lagi teruk. Lama-lama ikan pun kita kena beli." (**Kemelut**, ms. 136)

#### (i) **Kemiskinan cermin hidup**

Orang yang miskin lazimnya tidak berasa malu atas kemiskinan dan kekurangannya itu. Sebaliknya bagi orang kayalah yang merasa hina kepada kemiskinan. Justeru itu, kemiskinan dapat dikatakan sebagai cermin hidup yang boleh menggambarkan sikap dan pandangan seseorang terhadap status dan taraf seseorang yang lain. Namun begitu, bagi orang miskin, kemiskinan yang mencerminkan realiti kehidupannya akan diterima dengan penuh kesyukuran.

Dalam novel **Srengenge** pula, Bukit Srengenge itu sendiri adalah melambangkan kekalutan hidup, kemiskinan, kemurungan dan duka lara kehidupan para petani di kaki bukit tersebut. Ia mencerminkan kehidupan sebenar para petani desa itu. Justeru itu gambaran hidup begini setidak-tidaknya akan menyedarkan setiap orang untuk bertindak balas. Sekurang-kurangnya untuk melepaskan diri mereka dari cengkaman kemiskinan itu sendiri. Kehidupan melarat kerana kemiskinan, dan penyerahan diri kepada Allah semata-mata merupakan satu kritikan Shahnnon pada sesetengah masyarakat Melayu. Shahnnon cuba mencerminkan kesempitan fikiran masyarakatnya sebagaimana katanya, "Anak-anak yang betina kesemuanya itu diterima dengan penuh kesyukuran juga, fikir Lahuma. Dan ketujuh-tujuh anak betina itu pun Lahuma dan Jeha cukup percaya bahawa mereka akan mempunyai pegangan yang sama. Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah Azzawajalla. Kini pegangan itu telah banyak

memberi ketenangan hidup pada Lahuma dan Jeha. Dan ketenangan itu akan menjarul pula kepada anak-anak betinanya yang tujuh orang itu; Sanah, Milah, Semek, Liah, Lebar dan Kiah." (**Ranjau Sepanjang Jalan**, ms.2)

Tindakan Awang Cik Teh yang berhasrat meruntuhkan Srengenge yang tersergam macam setan tua di depan matanya, merupakan satu tindakan yang mempunyai azam yang kuat dan semangat yang gigih. Seperti mana yang dilukiskan oleh Shahnnon lagi, "Awang Cik Teh menentang bukit itu bagaikan menenang lawan waktu muda-muda dulu. Semuanya itu adalah setan yang paling hodoh. Dan setan yang hodoh itu sedang menggamit-gamitnya."

Bagi Awang Cik Teh, Srengenge adalah penghalang kemajuan, penyekat ekonomi dan penyebab kemiskinan kampungnya. Oleh kerana itu Awang Cik Teh terus membulatkan tekadnya bagi membasmi kemiskinan itu, sebagaimana kata Shahnnon lagi, "Srengenge akan ditebas dan ditebang dan dibakar dan ditajak. Srengenge tidak akan tinggal bukit lagi. Ia akan bertukar jadi huma. Dan Awang Cih Teh yang berusia lima puluh lima tahun itu akan menghumakan bukit Srengenge itu." (Srengenge, ms. 15 & 16)

## KESIMPULAN

Setelah kita melihat bagaimana Shahnnon menggunakan konsep kemiskinan dan juga nilai kesederhanaannya melalui diri setiap watak dalam novel-novelnya, kita dapati beliau memandang positif terhadap konsep dan nilai tersebut. Pendeknya, baik watak Awang Cik Teh (**Srengenge**), Pataeng Sagalas (**Al-Syiqiq 1**), Su Usul (**Tunggul-tunggul Gerigis**), Lahuma dan Jeha (**Ranjau Sepanjang Jalan**), Pak Mat (**Kemelut**), Dia (**Sampah**), mahu pun Semaun dan novel (**Rentung**), semua mereka itu dibedung dan diselimutinya dengan penderitaan hidup masing-masing.

Shahnnon terlalu berhati-hati dan penuh sedar dalam mengupas konsep miskinnya. Dia mengadun konsep itu dengan nilai-nilai kesederhanaannya sehingga begitu meyakinkan sekali. Semua watak yang penulis bariskan tadi, mengalami dan menerima kemiskinan hidupnya sebagai suatu petanda yang baik dan patut diterima dengan hati yang penuh sabar dan tabah.

Shahnnon memperlihatkan bagaimana mereka itu menerimanya secara positif. Malah ramai di antaranya menjadikan kemiskinan itu sebagai satu ujian dalam hidupnya. Ada pula sesetengah itu menjadikan satu cabaran dan juga motivasi untuk mereka bertindak lebih efisien lagi dalam hidupnya akan datang. Setiap kajian dan peristiwa yang diaturkan akan menampakkan kegigihan watak-watak itu menerima, menghadapi dan mengatasi kemiskinan mereka itu.

Selain daripada itu Shahnnon juga menggambarkan sikap berani, sabar, tabah tawakkal, taat, akur, rela, terbuka, tidak pentingkan diri, merendah diri, bersyukur, berazam, bercita-cita serta bertanggungjawab pada setiap watak yang menghadapi kemiskinan hidupnya itu. Inilah antara sifat-sifat terpuji yang cuba dipaparkan oleh Shahnnon terhadap watak-watak utama dalam novelnya. Sikap



begini akan mengasuh watak-watak itu lebih gigih berusaha, sanggup berkorban dan berjuang, tidak lokek dan mementingkan diri semata-mata, selain daripada tidak angkuh dan sombong.

Pendeknya konsep kemiskinan yang diutarakan oleh Shahnnon telah membabitkan percambahan sifat dan sikap yang positif serta bermoral tinggi pada watak-watak utamanya. Penulis melihat Shahnnon sebagai seorang pemikir bangsanya, dan dia semacam ingin menyarankan kepada para pembaca budiman, bahawa manusia Melayu yang mengaku Islam, ciri-ciri yang disebutkan tadi harus dipupuk dalam jiwa mereka itu. Melayu yang akan datang akan menjadi Melayu baru yang bertanggungjawab, bersifat mulia, berjiwa luhur serta beradab sopan di samping penyabar dan penyayang kepada dirinya, bangsanya, agamanya serta negaranya.

## RUJUKAN

- Abd. Halim Ismail, Dr. (1971), "Nilai-nilai Sosial Yang Penting Di sisi Pemupukan Keperibadian Kebangsaan - Nilai Sosio-ekonomi Orang-orang Melayu," Kertas Kerja Kongres Kebudayaan Kebangsaan, K. Lumpur: Universiti Malaya, Ogos 16-20, 1971.
- Abdullah Yasin, 1989, *Tafsir Al-Fatihah*, Kuala Lumpur: Penerbit Nurin Enterprise.
- Achmad Masruch Masucha, 1984, *Ramuan Obat Masyarakat Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Al-Haramain Sdn. Bhd.
- Davidson, I, 1977, *Values, Ends & Society*, Australia, Queensland: University of Queensland Press.
- Hamzah Hamdani, (Edt), 1990, *Novel-novel Malaysia Dalam Kritikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hamzah Ja'cub, Drs. 1978, *Ethika Islam*, Jakarta: C.V. Publicita.
- Lee, D., 1959, "Culture and the Experience of Value," dalam Abraham H. Maslow (Edt), *New Knowledge in Human Values*, New York: Harper & Row Publishers.
- Mohd. Rais Abd. Karim, Dr., 1992, *Puncak Dua Belas*, Kuala Lumpur, INTAN.
- Mohd. Yusof Hasan, 1974, "Srengenge: Simbolisme Konflik Nilai," Dewan Bahasa, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_, 1989, "Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden (Novel)", Bengkel.
- S. Othman Kelantan, 1989, "Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden (Novel)," Bengkel. Kesusasteraan Moden, Dewan Bahasa, Kuala Lumpur.
- Shaharuddin Maaruf, 1988, "Nilai-nilai Wira Feudal Dan Pengaruhnya Dalam Sejarah," Dewan Sastera, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Jilid 18, Bil: 3, ms. 21-26.
- Shahnnon Ahmad, 1983, "Ranjau Sepanjang Jalan", Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn.Bhd.
- \_\_\_\_\_, 1981, *Srengenge*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

- \_\_\_\_\_, 1988, *Tunggul-Tunggul Gerigis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- \_\_\_\_\_, 1985, *Al-Syiqiq 1*, Kuala Lumpur, Teks Publishing Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_, 1989, *Tok Guru*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_, 1983, *Rentung*, Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_, 1977, *Kemelut*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_, 1974, *Sampah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- \_\_\_\_\_, 1989, "*Pemuasan Daya Yang Tidak Pernah Puas*" Kertas Kerja Diskusi Proses Kreatif Novel-novel Shahnnon Ahmad, di Sudut Penulis, DBP, Kuala Lumpur, 27 Mei, 1989.
- Sidi Gazalba, Drs., 1982, *Ilmu Islam 3*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Husin Ali, Prof., (1971), "*Nilai-nilai Yang Penting Di sisi Pemupukan Keperibadian Kebangsaan*," Kertas Kerja Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur: Universiti Malaysia, Ogos 16-20, 1971.
- Syed Mohammad Naguib Al-Attas, Prof., (1971), "*Nilai-nilai Kebudayaan dalam Bahasa & Kesusasteraan Melayu*," Kertas Kerja Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Ogos 16-20, 1971.
- Syed Nawab Ali, 1988, *Rahsia-Rahsia Ajaran Tasawuf Al-Ghazali*, Kuala Lumpur: Penerbit Darulfikir.
- Theodore Brameld, "*An Inductive Approach To Intercultural Values*," *Journal of Educational Sociology*, Vol: 21, No: 1, 1947. pp4-11.
- Umar Junus, 1971, *Ulasan dan Kajian Ranjau Sepanjang Jalan*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Zulkefle Dollah, 1991, "*Sutan Baginda Menepati Teori Sastera Islam*", Dewan Sastera, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Jilid 21, Bil: 8, ms. 89-91.